



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2022 akan dilaksanakan pada 16 Januari hingga 19 Januari 2023, 30 dan 31 Januari 2023, serta 2 Februari 2023. Seramai 4,634 orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM tahun 2022 di 134 buah pusat peperiksaan seluruh negara.

KPM ingin mengingatkan semua calon peperiksaan STAM tahun 2022 untuk merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan STAM tahun 2022 boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan di pautan <http://lp.moe.gov.my>

Calon turut diingatkan supaya membawa dokumen pengenalan diri dan Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan STAM tahun 2022.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
10 JANUARI 2023**